

# Program Outreach UMS bantu bangun pendidikan luar bandar

Eleanor Ruby DE 5.12.2015 3

Masyarakat.

RANAU: Masyarakat tempatan digesa untuk memanfaatkan pengalaman serta pengalaman yang dikongsikan dalam program Outreach Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang memberi input berfaedah ke arah anjakan komuniti melalui pendidikan.

“Saya yakin usaha UMS yang berjelajah ke kawasan luar bandar untuk berkongsi maklumat dan kemahiran pembelajaran terkini dengan pelajar serta ibu bapa dapat mendorong penduduk tempatan untuk maju dalam pendidikan,” kata Penolong Pegawai Pendidikan Daerah, Fadzul Shemory apabila merasmikan upacara penutupan Program Outreach Karagasan, Khamis lepas.

Beliau berkata, kesungguhan UMS dalam membangunkan pendidikan luar bandar harus dihargai dengan pencungkilan potensi dalam kalangan pelajar luar bandar dalam pelbagai bidang, terutamanya untuk cemerlang dalam pendidikan dan menjadi ejen perubahan bagi masyarakat tempatan.

Program itu dianjurkan oleh Unit Penyelidikan Pendidikan Luar Bandar (UPPLB) UMS dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah dan Unit Pimpin Pembangunan

Pengarah program, Lydia Kimsin berkata, program empat hari itu membabitkan 24 pasca siswazah pendidikan dan lebih 70 peserta dari sekitar Kg Karagasan, termasuk murid SK Karagasan dan penduduk tempatan.

Beliau berkata, program itu bertujuan untuk mendedahkan pasca siswazah pendidikan kepada perancangan serta pengendalian projek dalam komuniti.

Pada masa sama, beliau berkata, program itu boleh mendorong murid mempelajari bahasa Inggeris, Sains dan Matematik melalui penggunaan modul yang disediakan oleh pasca siswazah itu.

“Pengendalian program juga dibantu oleh sukarelawan dan pegawai Institut Kemahiran Mara (IKM) juga melakukan sedikit perkongsian dengan belia tempatan tentang peluang yang ditawarkan di IKM,” katanya.

Sementara itu, penyelaras program yang juga Ketua UPPLB UMS, Dr Khalid Johari berkata, program tahunan itu memberi keutamaan kepada pembinaan modul oleh pasca siswazah yang menumpu kepada kecermerlangan aktiviti akademik murid.

Khalid berkata, sistem pembelajaran berdasarkan pelajar yang menarik harus digunakan dalam menyediakan modul pembelajaran itu. Kemahiran manipulatif dan kemahiran berfikir digabungkan dalam pembinaan modul sains.

“Program yang dijalankan oleh UPPLB menerima respons baik dan berkesan dalam mentransformasi pendidikan, terutamanya memberi motivasi kepada belia dan masyarakat tempatan di samping menjelaskan kepada mereka tentang peluang untuk melanjutkan pengajian mereka,” katanya.

SK Kampung Karagasan terletak 76 kilometer dari pekan Ranau dan akses jalannya tidak berturap. Kaum Dusun dan Sungai merupakan kumpulan etnik majoriti di kampung itu.

Antara aktiviti yang diadakan dalam program itu adalah persembahan tarian dan bernyanyi yang menampilkan bakat peserta, di samping aktiviti rekreasi.

Hadir sama, Dekan Fakulti Pendidikan dan Psikologi, Prof Dr Ismail Ibrahim dan Penyelia Kemajuan Masyarakat Kundasang, Japili Sami.



SEBAHAGIAN peserta menyertai aktiviti ceramah motivasi Bahasa Inggeris.